

VICTOR PURCELL

*Orang-orang*  
**CINA**  
DI TANAH MELAYU



Penterjemah  
NIK HASNA NIK MAHMOOD



VICTOR PURCELL

*Orang-orang*  
**CINA**  
**DI TANAH MELAYU**

Penterjemah  
NIK HASNAA NIK MAHMOOD



Penerbit  
Universiti Teknologi Malaysia  
Skudai  
Johor Darul Ta'zim  
1997

PUSTAKA PERDANA



1005899

# PENGENALAN

Kajian mengenai orang-orang Cina di Tanah Melayu adalah yang pertama sekali pernah dibuat. Terdapat banyak artikel dan rujukan-rujukan lain mengenai orang-orang Cina di Tanah Melayu. Walaupun terdapat banyak komen dan gambaran yang dilakukan oleh para pemerhati, namun sehingga kini tidak terdapat satu kajian yang menyeluruh mengenai perkara ini. Kebanyakan sejarawan Tanah Melayu hanya memberi tumpuan kepada orang-orang Melayu dan menganggap tema tentang orang-orang Cina tidak penting. Kajian ini bertujuan untuk memberikan pemerihalan yang tersusun mengenai orang-orang Cina yang memperlihatkan sebagai organisma yang lengkap, membincangkan masalah sosial dan politik, menunjukkan perubahan agama yang mereka alami dan meletakkan mereka dalam perspektif dengan bangsa-bangsa lain di Tanah Melayu. Jarang sekali terdapat kajian untuk memberikan penghormatan kepada orang-orang Cina yang turut memberi sumbangan ke arah pembentukan Tanah Melayu moden. Juga tidak terdapat kajian yang bertujuan untuk menafikan tanggapan umum bahawa orang-orang Cina tidak bersatu dengan bangsa lain, merosakkan perpaduan kaum di Tanah Melayu dan memperoleh kekayaan daripada negara ini secara tidak adil. Penghormatan kepada kaum Cina biasanya sering dikaitkan dengan kegiatan perniagaan dan perindustrian yang mereka jalankan. Hakikatnya tanpa mereka, Tanah Melayu mungkin masih berada di tahap lapan puluh tahun dahulu; hanya sedikit kawasan pantai dan sungai yang dimajukan tanpa jalan raya, jambatan, bangunan awam, hospital, sekolah dan mahkamah. Tanah Melayu moden adalah hasil usaha sama oleh pengusaha-pengusaha British dan Cina.

Sejarah orang-orang Cina di Tanah Melayu mempunyai kesamaan dengan kaum yang lain iaitu kurangnya penonjolan tokoh-tokoh yang agung dan peristiwa yang dramatik. Sejarah orang-orang Inggeris-Saxon

di England atau peneroka-peneroka yang lebih awal atau yang kini dikenali sebagai British Dominion juga mengalami masalah yang sama. Ketika manusia membersihkan hutan, membuat perparitan, mengusahakan tanah dan mencari nafkah, tidak terdapat ruang yang menyediakan mereka kepada perlakuan diskriptif, gambaran kemarahan, pertentangan pendapat, cemuhan dan sindiran. Suasana meriah di dewan-dewan majlis, pertentangan ide-ide, kemurnian kesenian dan kesusasteraan hanya akan muncul apabila pembangunan ekonomi memberikan kelapangan kepada manusia untuk berfikir dan mencipta sesuatu. Pertalian antara pengaruh-pengaruh yang baik dengan peranan keperibadian hampir tidak terdapat dalam sejarah di Tanah Melayu. Persoalan utama bukanlah individu dan doktrin tetapi masyarakat dengan tingkah lakunya, pergerakan dan pertalian sesuatu bangsa, suku, puak, pergerakan buruh dan kumpulan-kumpulan lain. Ia juga meliputi hubungan dengan alam semula jadi, hutan rimba, penyakit malaria, bahang tropika, persaingan kongsi-kongsi gelap dan perlumbaan hidup antara sesama manusia. Ini tidak bermakna rekod-rekodnya amat membosankan kerana menceritakan tentang bencana, kesusahan serta perjuangan dalam peperangan. Adalah diharapkan versi ini dapat mengekalkan minat pembaca dengan pemaparan kejadian-kejadian yang menarik. Namun begitu, diakui bahawa sebahagian besar kajian ini dipenuhi oleh perangkaan-perangkaan.

Bahan-bahan kajian, sekurang-kurangnya untuk abad yang lepas, adalah terlalu banyak. Persoalan utama adalah bagaimana untuk memilihnya. Rancangan kajian adalah seperti berikut. Bab mengenai sejarah di Bahagian I dibahagikan mengikut wilayah. Namun begitu, gambaran lengkap mengikut kronologi orang-orang Cina di setiap negeri tersebut tidak dilakukan. Tetapi gambaran ditumpukan kepada peristiwa-peristiwa yang menjadi imaginasi sejarah. Tumpuan diberikan di tempat-tempat yang mempunyai penduduk Cina yang ramai. Melaka misalnya, merupakan petempatan kaum Cina di zaman awal. Apabila Francis Light membuka petempatan dan tiga puluh lima tahun selepas itu, maka fokusnya adalah Pulau Pinang. Dengan ketibaan Raffles, petempatan mereka tertumpu di Singapura dan kemudiannya Perak semasa British campur tangan di Negeri-negeri Melayu. Kesemua orang-orang Cina di negeri ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Walaupun kehidupan mereka mengalami kesukaran, namun mereka tetap memainkan peranan penting.

Bahagian II dibahagikan kepada beberapa tajuk yang menceritakan tentang pelbagai aktiviti, masalah-masalah atau gambaran khusus mengenai orang-orang Cina di Tanah Melayu. Bahagian III pula membicarakan di zaman sebelum pendudukan Jepun serta perkembangan-perkembangan terbaru. Kemungkinan kaedah yang digunakan tidak sesuai untuk masa akan datang, namun buku ini sebenarnya ditujukan khas untuk pembaca pada dekad ini.

Sesiapa juga yang mengenali dan memahami tentang orang-orang Cina di Tanah Melayu akan terperanjat apabila mereka dapati beberapa perkara yang sering dikesampingkan. Kemungkinan mereka kebingungan dan hampa dengan ketiadaan perkara-perkara tersebut. Biasanya, para pembaca tidak menyedari kekurangan ini. Sebenarnya keadaan ini berlaku disebabkan oleh persaingan untuk mendapatkan tempat. Untuk memudahkan lagi kefahaman pembaca berikut diberikan satu ringkasan mengenai geopolitik Malaysia dan kronologinya.

Sebelum perang, Tanah Melayu dalam konteks yang lebih luas bukan hanya meliputi Negeri-negeri di Semenanjung tetapi juga termasuk milik British di Borneo iaitu Labuan (salah sebuah Negeri-negeri Selat), Brunei dan Borneo Utara. Melalui peraturan politik, Tanah Melayu juga meliputi Pulau Krismas di Lautan Hindi dan Kepulauan Cocos-Keeling yang merupakan sebahagian daripada Singapura, walaupun kedudukan geografinya jauh terpisah. Namun begitu, perkataan Tanah Melayu untuk tujuan kajian ini hanya merujuk kepada Negeri-negeri yang menjadi milik dan naungan British di Semenanjung. Kawasan ini menganjur dari Singapura di selatan pada garisan lintang 1° 24' Utara hingga ke Perlis di 6° 44' Utara.

Negeri-negeri Selat termasuk Singapura, Pulau Pinang (serta Seberang Perai), Melaka dan Labuan merupakan tanah jajahan British. Negeri-negeri Selat meliputi hanya sebahagian kecil daripada jumlah keseluruhan keluasan Tanah Melayu iaitu seluas 1356 batu persegi (hampir sama dengan saiz Gloucestershire) berbanding dengan jumlah keseluruhannya iaitu 52 528 batu persegi. Ianya lebih besar sedikit daripada keluasan England tanpa Wales iaitu 50 874 batu persegi.

Negeri-negeri Melayu pula merupakan gabungan di antara Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang dengan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu.

Kerajaan Melayu Melaka diasaskan pada abad ke 14 dan berterusan sehingga penaklukan Portugis pada tahun 1511. Portugis berkuasa di Melaka sehingga tahun 1641, yang kemudiannya dikuasai oleh Belanda. Pada tahun 1792 British menduduki Melaka dan menyerahkan semula kepada Belanda pada tahun 1801 melalui Perdamaian Ameins. British menduduki semula pada tahun 1807 dan menyerahkan semula kepada Belanda pada tahun 1818 berikutan Persetiaan Vienna. Akhirnya British menduduki Melaka melalui pertukaran dengan Bangkokulu di Sumatera pada tahun 1825. Perjanjian 1824 menggambarkan hubungan British-Belanda di Hindia Timur.

Orang-orang Cina telah mengadakan hubungan perdagangan dan diplomatik dengan orang-orang Melayu sejak zaman awal lagi. Bagaimanapun tanpa bukti-bukti yang jelas mereka tidak menjadi penduduk yang menetap di negeri ini sehinggalah selepas kewujudan kerajaan Melayu Melaka. Pada awal abad ke-17, jumlah orang-orang

Cina di Melaka adalah kira-kira 300-400 orang dan bilangannya adalah —sama sehingga tahun 1641; tahun 1678 berjumlah kira-kira 850 orang (di bandar dan sekitarnya); tahun 1750, terdapat 2161 daripada jumlah penduduk seramai 9635 orang; tahun 1766, 1390 daripada jumlah penduduk seramai 7216 orang; tahun 1812, 1006 daripada jumlah penduduk seramai 19,627 orang; tahun 1842, 6882 daripada jumlah penduduk seramai 46 097 orang; tahun 1860, 10 039 daripada jumlah penduduk seramai 67 267 orang; tahun 1931, 65 179 daripada jumlah penduduk yang dianggarkan seramai 186 711 dan tahun 1941, 92 125 daripada jumlah penduduk seramai 236 087 orang.

Syarikat Hindia Timur Inggeris berjaya mendapatkan Pulau Pinang atau Pulau Prince of Wales daripada Sultan Kedah pada tahun 1786 dan memperoleh Point Wellesley yang dikenali sebagai Province Wellesley pada tahun 1800. Pulau Pinang merupakan wilayah yang keempat yang diletakkan di bawah kerajaan British di India pada tahun 1805 dan kekal sehingga tahun 1830. Pada tahun 1826, Singapura dan Melaka diletakkan di bawah kawalannya, tetapi pada tahun 1830 Negeri-negeri Selat dijadikan Residensi yang tertakluk di bawah Benggala. Pentadbiran kerajaan Negeri-negeri Selat kekal di Pulau Pinang di bawah Leftenan Gabenor sehinggalah tahun 1836 apabila pentadbirannya berpindah ke Singapura.

Pada tahun 1786, tiada terdapat orang-orang Cina di Pulau Pinang.<sup>1</sup> Pada tahun 1812, bilangannya ialah 7291 daripada jumlah penduduk seramai 23 418 orang; tahun 1820, 8270 daripada jumlah penduduk seramai 28 849 orang; tahun 1830, 8963 daripada jumlah penduduk seramai 33 959 orang; tahun 1842, 9715 daripada jumlah penduduk seramai 40 499 orang; tahun 1851, 15 475 daripada jumlah penduduk seramai 43 143 orang; tahun 1860 termasuk Dinding, 28 018 daripada jumlah penduduk seramai 59 956 orang; tahun 1931 termasuk Dinding, 131 855 daripada jumlah penduduk seramai 218 463 orang dan tahun 1941, bilangannya ialah 166 974 daripada jumlah penduduk seramai 247 460 orang (anggaran).

Di Seberang Perai juga tiada terdapat orang-orang Cina yang menetap pada tahun 1786. Pada tahun 1812 bilangannya adalah 267 daripada 3692 orang; tahun 1820, 325 daripada 6185 orang; tahun 1827, 951 daripada 20 734 orang; tahun 1833, 2259 daripada 45 953 orang; tahun 1844, 4107 daripada 51 509 orang; tahun 1851, 8731 daripada 64 801 orang; tahun 1860, 8204 daripada 64 816 orang; tahun 1931, 44 663 daripada 141, 388 orang dan tahun 1941, bilangannya berjumlah 63 705 daripada 171 587 orang (anggaran).

(Daerah Dinding dimasukkan di bawah pentadbiran Pulau Pinang pada tahun 1826 dan diserahkan kepada Perak pada tahun 1935. Adalah kurang jelas sama ada orang-orang Cina di Dinding termasuk di dalam

<sup>1</sup> Sila lihat nota kaki pada hlm. 43.

bilangan penduduk di Pulau Pinang atau Province Wellesley sehingga tahun 1860. Namun begitu, bilangan penduduknya tidaklah begitu besar. Misalnya pada tahun 1931, terdapat 7008 orang-orang Cina di Dinding.)

Pada tahun 1819, Singapura telah diasaskan oleh Sir Stamford Raffles yang ketika itu bertugas sebagai Residen di Fort Marlborough (Bangkahulu). Pada tahun 1823, ianya diletakkan secara langsung di bawah kerajaan Bengal sebagai wilayah yang berasingan. Pada tahun 1867, pentadbiran ketiga-tiga negeri tersebut dipindahkan dari India ke Pejabat Tanah Jajahan di London.

Pada tahun 1819, orang-orang Cina tidak terdapat di Singapura.<sup>2</sup> Pada tahun 1821 bilangannya adalah 1159 daripada jumlah penduduk seramai 4724 orang; tahun 1823, 3317 daripada jumlah penduduk seramai 10 683 orang; tahun 1830, 6555 daripada jumlah penduduk seramai 16 834 orang; tahun 1850, 27 988 daripada jumlah penduduk seramai 52 886 orang dan tahun 1860, 50 043 daripada jumlah penduduk seramai 81 734 orang. Pada tahun 1931, bilangan orang-orang Cina ialah 421 821 daripada jumlah penduduk seramai 567 453 orang dan pada tahun 1941 bilangannya adalah 599 659 daripada jumlah penduduk seramai 769 216 orang.

Kepulauan Cocos atau Kepulauan Keeling yang diisytiharkan sebagai milik British pada tahun 1857, telah digabungkan dengan Negeri-negeri Selat dan disatukan dengan Singapura pada tahun 1903. Kepulauan Krismas telah diduduki pada tahun 1888 dan diletakkan di bawah pentadbiran Gabenor Negeri-negeri Selat. Pada tahun 1900, ia dijadikan sebahagian daripada Singapura. Pada tahun 1931, terdapat seramai 895 orang Cina yang kebanyakannya Kantonis, daripada jumlah penduduk seramai 1059 orang. Pada tahun 1941 terdapat 1192 daripada jumlah penduduk seramai 1440 orang.

Pada tahun 1846, Sultan Brunei menyerahkan Labuan kepada British dan ia ditadbir sebagai Tanah Jajahan yang berasingan sehingga tahun 1889. Kemudian pentadbirannya dipindahkan kepada Syarikat Borneo Utara British. Pada tahun 1905, Gabenor Negeri-negeri Selat juga dilantik menjadi Gabenor Labuan. Pada tahun 1907, ia digabungkan dengan Negeri-negeri Selat sebagai sebahagian daripada Singapura dan pada tahun 1912, ia membentuk pentadbiran yang tersendiri. Pada tahun 1931, terdapat 2257 orang Cina di Labuan daripada jumlah keseluruhan penduduk seramai 7507 orang.

Bilangan orang-orang Cina di Negeri-negeri Melayu adalah kecil sehinggalah Negeri-negeri ini menjadi naungan British. Apabila orang-orang Cina meluaskan operasi mereka di Negeri-negeri ini, mereka masih lagi menetap di Negeri-negeri Selat. Biasanya mereka mengunjungi untuk seketika atau hanya menghantar wakil. Terdapat juga di kalangan mereka yang menetap seperti pelombong bijih timah

2 Sila lihat nota kaki pada hlm. 75.

di Perak dan Negeri Sembilan serta pedagang-pedagang yang menjalankan kegiatan di pelabuhan. Crawford menganggarkan jumlah orang-orang Cina di Negeri-negeri Melayu pada tahun 1830 ialah kira-kira 40 000 orang. Beberapa tahun selepas itu, Kolonel Low yang biasanya boleh dipercayai, mengatakan bahawa jumlahnya ialah antara 15 000-20 000 orang. Jumlah penduduk Melayu di Negeri-negeri Melayu ketika ini adalah seramai 200 000 orang dan semakin berkurangan.

Perak diletakkan di bawah naungan British pada tahun 1874. Dinding dan Pulau Pangkor telah diserahkan kepada British pada tahun 1826 untuk dijadikan pangkalan menghapuskan gerakan lanun. Selangor juga menjadi negeri naungan British pada tahun tersebut. Pada tahun 1874, Sungai Ujong yang merupakan salah sebuah negeri di Negeri Sembilan telah memohon bantuan daripada kerajaan British dan seorang Residen British telah dilantik. Pada tahun berikutnya, Negeri-negeri lain juga menjadi naungan British dan sebuah negeri iaitu Negeri Sembilan telah ditubuhkan.

Pahang menjadi negeri naungan British pada tahun 1888, Johor pada tahun 1914, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis pada tahun 1909. Hal ehwal luar Brunei mula dikuasai oleh British dari tahun 1888. Pada tahun 1906, Sultan Brunei bersetuju untuk menerima nasihat daripada kerajaan British di dalam semua perkara kecuali yang berkaitan dengan agama Islam. Prinsip utama inilah yang mengekalkan hubungan di antara British dengan Negeri-negeri Melayu. Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang membentuk persekutuan yang dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1895.

Pada 1 April 1946, Malayan Union telah diasaskan untuk menyatukan kesemua negeri di Semenanjung. Akibat penentangan yang kuat, ia telah digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu. Singapura diletakkan di bawah pentadbiran Gabenor yang berasingan. Kesemua negeri ini dan wilayah-wilayah British di Borneo diletakkan di bawah seorang Gabenor Jeneral.

Pada tahun 1931 bilangan orang-orang Cina daripada jumlah keseluruhan penduduk adalah seperti berikut; Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 711,540 daripada 1 713 096 orang; Johor, 215 076 daripada 505 311 orang; Kedah, 78 415 daripada 429 691 orang; Kelantan, 17 612 daripada 362 517 orang; Terengganu, 13 254 daripada 179 789 orang; Perlis, 6500 daripada 49 296 orang dan Brunei, 2683 daripada 30 135 orang. Pada tahun 1941, bilangannya dianggarkan seperti berikut; Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 989 635 daripada 2 212 052 orang; Johor, 308 901 daripada 675 297 orang; Kedah, 108 445 daripada 525 458 orang; Kelantan, 23 363 daripada 407981 orang; Terengganu, 16 956 daripada 205 743 orang dan Perlis, 8227 daripada 57 850 orang.

## NOTA TENTANG EJAAN PERKATAAN-PERKATAAN CHINA

Adalah menjadi hasrat di sini untuk menyentuh sedikit mengenai dengan ejaan perkataan Cina dan perkataan Timur yang lain. Seseorang penulis mungkin akan gagal di dalam usaha mereka mencari huruf rumi yang *standard* untuk perkataan-perkataan Cina di Tanah Melayu. Penulis-penulis berbahasa Melayu yang berwibawa mempunyai tabiat menulis huruf-huruf rumi Melayu dengan berbagai bentuk infleksi, "diarese" dan tanda diakritik. Tetapi di dalam ayat seterusnya mereka mungkin menterjemah huruf-huruf Cina yang memberi makna yang lain dari segi kesusasteraan dan kebudayaan. Perkataan-perkataan Cina di dalam buku-buku Inggeris biasanya digunakan di dalam dialek Mandarin mengikut romanisasi Wade yang tidaklah betul-betul sempurna dan diterima secara universal. Namun begitu, orang-orang Cina di Tanah Melayu menyebut perkataan-perkataan mengikut dialek-dialek yang tertentu. Tidak terdapat satu kaedah romanisasi yang *standard* untuk Kantonis, Hokkien, Teochiu dan sebagainya, walaupun setengah-setengah sistem seperti Eitel telah digunakan di dalam buku-buku berbahasa Kantonis. Penterjemahan di dalam akhbar-akhbar, dokumen-dokumen dan papan iklan hanya terbatas oleh pendengaran dan tingkah laku pengarang yang pelbagai ragam. Malahan di dalam penulisan akademik, perkataan *hui* yang bermaksud masyarakat, terdapat di dalam berbagai-bagai bentuk seperti *hui*, *wui*, *huey*, *hue*, *hoey*, *hwi* dan sebagainya. Satu kaedah bagi mengatasi kekaburan ini ialah hanya dengan menggunakan huruf Cina, tetapi ianya hanya difahami oleh pakar-pakar sahaja. Oleh kerana tidak terdapat satu sistem yang *standard*, maka percubaan boleh diperkenalkan untuk mengetahui sama ada penterjemahan itu menimbulkan kekeliruan atau sebaliknya. Penggunaannya perlulah konsisten untuk menghasilkan sesuatu yang objektif, walaupun dikhuatiri tidak menemui kejayaan.

# KANDUNGAN

PRAKATA	v
PENGENALAN	vi

## BAHAGIAN I SEJARAH AWAL

I.	PENGIJRAHAN ORANG-ORANG CINA	1
II.	ORANG-ORANG CINA DI ZAMAN AWAL TANAH MELAYU DAN MELAKA DI TANAH MELAYU SEHINGGA TAHUN 1795	15
III.	ORANG-ORANG CINA DI PULAU PINANG DAN SEBERANG PERAI 1786-1867	43
IV.	ORANG-ORANG CINA DI SINGAPURA 1819-67	75

## BAHAGIAN II ASPEK-ASPEK PENTING ORANG-ORANG CINA DI TANAH MELAYU

VI.	AGAMA ORANG-ORANG CINA DI TANAH MELAYU	127
VII.	HUBUNGAN BRITISH-CINA DI TANAH MELAYU	151
VIII.	PERTUBUHAN KONGSI GELAP CINA DI TANAH MELAYU	165
IX.	MASALAH SOSIAL ORANG-ORANG CINA DI TANAH MELAYU	185
X.	BURUH-BURUH CINA DAN PENGIJRAHAN	209
XI.	PERTUBUHAN-PERTUBUHAN POLITIK ORANG CINA DI TANAH MELAYU 1911-1941	227
XII.	SISTEM PENDIDIKAN CINA DI TANAH MELAYU	241
XII.	ORANG-ORANG CINA DALAM PERINDUSTRIAN TANAH MELAYU	255

**BAHAGIAN III  
PERKEMBANGAN-PERKEMBANGAN BARU 1939-1946**

XIV.	ORANG-ORANG CINA DI TANAH MELAYU SEMASA ZAMAN PERANG 1939-45	. 265
XV.	ORANG CINA DI TANAH MELAYU SELEPAS PENDUDUKAN JEPUN	. 285
XVI.	ORANG-ORANG CINA DAN PERLEMBAGAAN BARU TANAH MELAYU	. 301
XVII.	TINJAUAN DAN PROSPEK	. 309
LAMPIRAN I.	BAHASA BABA	. 313
LAMPIRAN II.	STATISTIK PENDUDUK TANAH MELAYU, 1941	. 317
LAMPIRAN III.	PEMBAHAGIAN PENDUDUK MENGIKUT KAUM-KAUM UTAMA - TANAH MELAYU	. 318
LAMPIRAN IV.	PEMBAHAGIAN KADAR JANTINA MENGIKUT KAUM-KAUM UTAMA - TANAH MELAYU	. 319
LAMPIRAN V.	ORANG-ORANG CINA MENGIKUT KESUKUAN	. 320
LAMPIRAN VI.	JADUAL SEKOLAH CINA, MURID-MURID DAN GURU-GURU NEGERI-NEGERI SELAT & NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU 1938	. 321
LAMPIRAN VII.	PERTAMBAHAN JUMLAH PENDUDUK CINA DI TANAH MELAYU	. 322
BIBLIOGRAFI		. 323
INDEKS		. 331
PETA		akhir

**NOTA DAN KEPENDEKAN**

<i>JRASSB</i>	<i>Journal of the Royal Asiatic Society, Straits Branch</i>
<i>JRASMB</i>	<i>Journal of the Royal Asiatic Society, Malayan Branch</i>
<i>JRAS</i>	<i>Journal of the Royal Asiatic Society</i>
<i>JASB</i>	<i>Journal of the Asiatic Society of Bengal</i>
	<i>The Journal of the Indian Archipelago is sometimes referred to the Logan's Journal</i>

**MATAWANG**

Dolar Sepanyol boleh diambil kira dalam bentuk harga perak di antara 3s. 6d. dan 4s 6d. 4s.

Di Negeri-negeri Selat nilai dolar Sepanyol ini kemudiannya ditukar ke dolar Malaya dalam kadar yang sama.

**BERAT**

Satu pikul	133 1/3 lb.
Satu kati	1 1/3 lb.
Satu tahil	1 1/3oz.

**PERTUBUHAN**

*Hui (hui, wui dan sebagainya)* Pertubuhan orang-orang Cina secara tertutup. *Kongsí* pertubuhan orang-orang Cina ber dasarkan kaum. Di China *hui* termasuk dalam *kongsí* tetapi telah disalah tafsir oleh orang-orang Eropah.